

11 JUN 2001

Ling-Mesyuarat

MESYUARAT ANTARA LEMBAGA PEMEGANG AMANAH HUAREN DITANGGUH, KATA DR LING

KOTA KINABALU, 11 Jun (Bernama) -- Mesyuarat lembaga pemegang amanah Huaren Holdings Sdn Bhd yang dijadual Rabu ini ditangguhkan ke tarikh lain, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Penangguhan itu adalah berikutan seorang daripada ahli lembaga pemegang amanah, Datuk Chua Jui Meng yang juga naib presiden MCA memaklumkan bahawa beliau tidak dapat hadir pada mesyuarat itu, katanya.

"Datuk Chua Jui Meng memberitahu saya bahawa beliau tidak dapat hadir pada mesyuarat itu, jadi kami akan menetapkan tarikh baru," katanya kepada pemberita selepas merasmikan ibu pejabat baru Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sabah di sini hari ini.

Minggu lepas, Dr Ling mengumumkan bahawa satu mesyuarat akan diadakan Rabu ini sebagai respons kepada gesaan Chua supaya isu pembelian Nanyang Press Holdings Bhd dibincangkan.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah itu terdiri daripada Dr Ling, Chua, timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek dan setiausaha agung Datuk Seri Dr Ting Chew Peh.

Mengenai gesaan Dr Ting supaya mesyuarat agung luar biasa diadakan, Dr Ling berkata ia merupakan satu daripada pelbagai langkah yang boleh diambil mengikut perlembagaan parti.

Pada masa ini, langkah yang telah diambil oleh parti terbabit ialah meminta majlis presiden dan anggota jawatankuasa pusat mengundi memihak kepada pembelian itu, katanya.

Dr Ling juga berkata parti itu mengambil perhatian kepada gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya anggota MCA berdamai.

-- BERNAMA

HAK LAT